

# BIDA'AH DAN KHURAFAT

## PERBUATAN BIDA'AH MERUNTUHKAN IBADAH

Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Islam sekarang – di mana-mana sahaja – adalah penuh tepu dengan perbuatan-perbuatan bida'ah yang tidak disuruh oleh agama, tiap-tiap lapangan telah ditembusi oleh bida'ah: Di masjid, di rumah orang mati, di tanah kubur, di majlis-majlis maulud, lebih-lebih lagi di dalam amal ibadat dan iktikad. Sebenarnya sebab-sebab terkenangnya perbuatan bida'ah di antara orang-orang Islam tidaklah lain kerana kebanyakan kita berperasaan haloba kepada mengerjakan amalan agama yang dipandang lebih sempurna lalu ditokok tambah sedikit demi sedikit dari satu ke satu masa sehingga sebagaimana keadaannya yang ada sekarang. Pada hal agama Allah telah lengkap sempurna dan tidak berkehendakkan tasyri' buatan manusia dalam perkara-perkara ibadat. Sekiranya orang-orang Islam kita menyedari penyakit yang berbahaya ini jika sungguh kita mencintai agama dan berharap amal-amal kita diterima oleh Tuhan Azza wa Jalla. Mungkin sabda junjungan tentang bencana bida'ah itu sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibnu Mājah daripada hadis Hudhaifah r.a:

*la yaqbilu Allāh li ṣāhib bid'ati ṣawmā walā hajjā walā umrata walā jihāda walā ṣarfā walā 'adlā, yakhruju min al-Islām kamā takhruju al-syirata min al-'ajīn*

Ertinya : “Allah Taala tidak menerima bagi orang yang melakukan bida'ah (akan amal-amalnya iaitu) puasanya, hajjinya, umrahnya, jihadnya, taubatnya dan keadilannya. Ia akan keluar daripada Islam sebagaimana sehelai rambuat itu (ditarik) keluar daripada adunan tepung.”

Alangkah besar padahnya balasan orang yang melakukan bida'ah?

Tetap pula sabda junjungan diriwayatkan oleh Hisyam bin Aurah yang membayangkan bahawa orang yang melakukan bida'ah itu tidak sekiranya dihormati, kerana menghormatinya bermakna menggalakkan perkembangan bida'ah dan meruntuhkan binaan Islam:

*“Min waqara sahiba bid'ati fa qad ā'āna alā hadam al-Islām”*

“Barang siapa menghormati orang yang melakukan bida'ah maka sesungguhnya ia telah membantu meruntuhkan Islam.”

Sebenarnya bida'ah-bida'ah yang telah masuk menyelit di dalam ibadah terlalu banyak dan satu di antaranya ialah bida'ah “melafazkan niat sembahyang”.

Biasanya orang-orang yang mengatakan masalah ini: “bida'ah” adalah dicap dengan “Kaum Muda”. Tetapi sekarang saya perturunkan keterangan dari kitab “Kaum Tua” yang juga mengatakan bahawa melafazkan niat sembahyang itu ialah suatu bida'ah dan tidak mempunyai keterangan sama sekali yang menunjukkan bahawa Rasul Allah (SAW) ada melafazkannya, dan tidak juga oleh sahabat, tabi'in atau imam-imam mazhab yang empat.

Kitab “Kaum Tua” yang tersebut tidak lain daripada kitab “*al-Abda' fi Maḍar al-Ibtadā'*” susunan Fadhilah al-Ustaz al-Sheikh 'Alī Mahfuz Guru “*Qasm al-Takhṣuṣ*” di sekolah

tinggi Azhar, dan manakala menyebut “*al-Azhar*” sudah tentu bermakna menyebut “kubu pertahanan kaum tua” yang terkenal sentiasa menentang dengan hebatnya akan “kubu pertahanan kaum muda” iaitu kubu al-Said Rasyid Rida dengan “*al-Munarith*” yang telah bekerja bersungguh-sungguh menyebarkan fahaman gurunya al-Syeikh Muhammad Abduh dan al-Syed Jamaluddin al-Afghani.

Segaya juga disebut : Bahawa kitab ini telah dipuji oleh ulama-ulama Azhar dari ke empat-empat mazhab termasuk al-Marhum al-'Alamah “Yūsuf al-Dajwā” yang masyhur itu sebagaimana yang tersunting di dalam kitab itu cetak yang keempat dan di dalamnya juga tersunting pujian al-Syed Rashid Riḍa. Jelasnya kitab ini diakui oleh Kaum Tua dan Kaum Muda.

Sekarang sila tatap keterangannya berkenaan masalah melafazkan

niat sembahyang dengan suara nyaring sebagaimana yang biasa dilakukan oleh kebanyakan kita:

“Di antara bida’ah-bida’ah di dalam sembahyang ialah melafazkan niat dengan nyaring di dalam kitab “*al-Madkhuḥ*” ada tersebut maksudnya: Imam atau makmum ataupun orang yang sembahyang seorang diri tidak boleh melafazkan niat dengan nyaring, kerana tidak ada riwayat yang menjadi keterangan bahawa Nabi ṣallā Allāh ‘alāhi wa sallam atau khalifah-khalifah berempat ataupun sahabat-sahabatnya ridhwan Allāh alaihim ada menyaringkan suara dengannya, maka yang demikian bida’ahlah ia.

“Di dalam kitab “*Zād al-Ma’ād*” pula tersebut: “Adalah Rasulullah ṣallā Allāh ‘alāhi wa sallam apabila berdiri sembahyang, ia terus membaca “*Allāhuakbar*” dengan tidak membaca apa-apa terlebih dahulu daripada itu dan tidak ia melafazkan niat sama sekali. Tidak juga ia membaca “*Uṣalī Allāh*” begini-begini, *Mustaqbal al-Qiblat arba’a raka’ā t imamā aw ma’mūmā*”, tidak juga ia membaca “*Adā’a*” atau “*Qadā’a*” ataupun menyebut “Fardhu” yang mengenai sesuatu masa. Inilah dia sepuluh bida’ah (yang terkandung dalam lafaz niat yang berjela-jela itu – p) tidak ada seseorang pun yang meriwayatkannya. Baik dengan sanad sahih atau da’if atau masnad ataupun marsil, bahkan tidak ada yang meriwayatkannya daripada sahabat-sahabatnya, dan tidak diistihsan (diperkenan) oleh seseorang daripada tabi’in. dan tidak juga oleh imam-imam mazhab yang empat (Ḥanafī, Mālikī, Shafī’ dan Ḥanbalī – p) Hanyasanya sebahagian daripada ulama mutaakhirin telah terpedaya dengan “*Qaula*” al-Imam al-Shafī’ *Radī allāh anh* yang mengatakan: Sembahyang itu tidaklah sama dengan puasa, maka tidak boleh seseorang memasukinya (memulakannya – p) melainkan dengan zikir. Lalu disangka bahawa “zikir” yang dimaksudkan ialah orang yang sembahyang dikehendaki melafazkan niatnya, pada hal zikir yang dimaksud oleh Imam al-Shafī’ rahimatullah ialah “takbirat al-ihram” itulah sahaja. Bagaimana Imam al-Shafī’ akan memperkenalkan sesuatu perkara yang tidak dikerjakan oleh Rasulullah

SAW di dalam sebarang sembahyangnya dan tidak juga dilakukan oleh sahabat-sahabatnya...? “

Setelah itu ia telah memberi suatu kesimpulan katanya:

“ Yang dituntut oleh syara’ daripada orang yang menjadi makmum atau yang sembahyang seorang diri; hendaklah ia berpada dengan membaca takbirat al-ihram dengan sekira-kira didengar oleh dirinya sendiri sahaja, manakala imam pula boleh mengangkat suara dengannya, sekira-kira didengar oleh makmum.”

Tatkala menunjukkan kesal hatinya kerana bahaya bida’ah ini telah melarat lebih panjang maka ia berkata lagi:

“Aduhai kiranya perkara ini terhenti kepada menyaringkan suara dengan niat sahaja, bahkan tuan akan melihat sebilangan besar daripada mereka mendatangkan “*Tashwīsh*” (menggangu) kepada orang lain yang sembahyang berhampiran, kerana perbuatannya mengulang-ulangkan lafaz niat (disebabkan was-was – p) sehingga luput kepadanya suatu rakaat, sedang perbuatan menggangu orang lain adalah suatu perbuatan yang haram dikerjakan walaupun terhadap orang yang tidur.”

Sekianlah keterangannya yang sengaja kita peturunkan di sini kerana menunjukkan bahawa “melafazkan niat sembahyang dengan nyaring” adalah suatu perbuatan bida’ah yang tidak pernah dikerjakan oleh Nabi, sahabat-sahabat, tabi’in dan imam-imam yang empat. Kalau dahulu masalah ini biasanya diperhidupkan oleh orang-orang yang dicap dengan nama “Kaum Muda” maka sekarang sebagaimana yang terbentang di atas. “Kaum Tua” pula telah mengakuinya.

Kitab “*al-Abda’ fī Maḍār al-Ibtida’*” yang tersebut telah dicetak keempat kalinya dan dikeluarkan dengan kehendak *al-marhum Sahib al-Fadhīlah al-Syeikh Mustafa al-Marāghī – Syeikh al-Jāmi’ al-Azhar wa Ra’is majlisat al-Alā* dengan tujuan hendak memerangi bida’ah-bida’ah dan khurafat yang sedang bercambah dengan sumbernya! – Saifuddin.